



جابتن كواغن دان قربندا هاراءن نكري ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara

Kompleks Seri Negeri

Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh

75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333

Faks : 06-231 6489

Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

No.Rujukan : PNM(KPS)125.Jld.2(46)

Tarikh : 29 April 2020

Bersamaan : 6 Ramadhan 1441H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab
Negeri Melaka
(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk / Tuan / Puan,

SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.02 TAHUN 2020 BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) TAHUN 2020

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju memberi Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00 seperti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

3. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui risalat MKKN. P.14 7B/3/2020 bersetuju untuk meluluskan Cadangan Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Kerajaan Negeri Dan Menerima Pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2020 – Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2020 diberikan kepada pegawai yang layak seperti berikut :

- i) Semua Penjawat Awam Negeri Melaka di semua gred jawatan, kakitangan bertaraf tetap, *contract of service*.
- ii) Pegawai yang bercuti bergaji penuh, separuh gaji atau tanpa gaji.
- iii) Pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. BKK akan dibayar oleh Agensi yang menerima peminjaman pegawai.
- iv) Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan guru sandaran Jabatan Agama Islam Melaka dengan syarat bahawa pegawai yang masih berkhidmat pada 23 April 2020 dan telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 April 2020 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- v) Pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama A dan B yang tidak disediakan pemandu oleh jabatannya.



4. BKK ini **tidak dipanjangkan** kepada :-

- i) Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam, tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama / Gred Khas.
- ii) Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 April 2020;
- iii) Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 April 2020; dan
- iv) Pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 April 2020.

5. BKK sebanyak RM500.00 dibayar pada tarikh pembayaran gaji bagi **bulan Mei 2020**.

6. Sehubungan dengan itu, bagi pegawai yang pembayaran gaji dibuat melalui sistem "**payroll**", Pihak Bendahari Negeri akan membuat Bayaran Bantuan Khas Kewangan tersebut. Sila rujuk kepada Laporan Jabatan masing-masing yang dikeluarkan oleh pihak Bendahari Negeri.


7. Bagi pegawai yang layak tetapi nama tiada di dalam laporan "**payroll**" bayaran BKK perlu dibuat melalui baucar berasingan. **Baucar berasingan perlu diluluskan oleh pegawai pelulus di sistem SPEKS selewat-lewatnya pada 7 Mei 2020 (Khamis)**. Perihal bayaran pada baucar perlu dicatat:- **BKK 2020 – "nama pegawai"**. Contoh: **BKK 2020 – Sallehuddin Bin Aziz**

8. Sebarang bayaran yang tidak layak diterima perlulah dikutip balik mengikut arahan berkuatuksa. Arahan operasi ini berkuatuksa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara tersebut sila hubungi pegawai di **Unit Perkhidmatan dan Operasi Gaji** di talian **06-230 7285/298/802**

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NORIFAH BINTI NORDIN)
Bendahari Negeri,
MELAKA.